

Tanah Hotel St Regis masih milik LADA - MB Kedah

Oleh M Hifzuddin Ikhsan - November 23, 2023



Lembaga Pembangunan Langkawi

Alor Setar : Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) tidak dapat mengutip hasil pajakan projek pembangunan Hotel St Regis kerana tapak tanah pusat peranginan itu masih dimiliki agensi itu dan tidak pernah dipajak kepada sesiapa.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor, berkata status hak milik tanah pusat peranginan mewah yang beroperasi sejak 2016 belum dapat diselesaikan sehingga kini akibat masalah tadbir urus ketika projek itu mula dibangunkan.

Beliau yang juga Pengerusi Bersama Lembaga Pengarah LADA berkata, isu berkenaan sepatutnya dijawab Kementerian Kewangan kerana ia berkaitan aspek teknikal, selain LADA terletak di bawah bidang kuasa kementerian berkenaan.

"St Regis itu ada isu (pemilikan) tanah, dahulu mungkin ada berlaku salah laku ketika proses pembangunannya dan pemaju pula tidak patuhi perjanjian awal, LADA tidak benarkan tanah miliknya dijadikan sebagai gadaian.

"Dia bukan tanah St Regis, tapi masih milik LADA. Jadi nak kutip (pajakan) pada siapa? Kita tak benarkan tanah itu jadi gadaian untuk projek St Regis kerana ada isu tadbir urus dalam pembinaannya.

"Dia nak jadikan tanah itu sebagai cagaran, maka kita tak tandatangan kerana tak ikut syarat dan perjanjian asal, biar Kementerian Kewangan jawab perkara ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) kelmarin, mendedahkan LADA dikesan gagal mengutip hasil pajakan dua projek di Langkawi dengan nilai keseluruhan RM11.49 juta.

Dua projek itu ialah pembangunan Hotel St Regis dengan hasil pajakan sejak 2018 dianggarkan berjumlah RM3.19 juta dan Projek Perkampungan Tok Senik berjumlah RM8.3 juta yang tertunggak sejak 2003.

-Berita Harian